

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Product ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Perubatan Berkelompok. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

# Insurans Hospital dan Pembedahan Berkumpulan

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan terhadap perbelanjaan penghospitalan dan pembedahan yang dikenakan disebabkan oleh penyakit dan kecederaan yang dilindungi dibawah polisi ini.

### 2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Polisi ini menawarkan manfaat berikut

- a) Penginapan dihospital dan makan
- b) Bilik kecemasan
- c) Perkhidmatan dan Barang hospital
- d) Yuran Pembedahan
- e) Yuran Pakar Bius
- f) Yuran Bilik Pembedahan
- g) Yuran Lawatan pakar perubatan dalam hospital
- h) Khidmat Diagnostik sebelum masuk hospital
- i) Yuran Pakar sebelum masuk hospital
- j) Rawatan perubatan dan perkhidmatan selepas keluar hospital
- k) Pembedahan Harian
- l) Rawatan kecemasan pesakit luar akibat kemalangan
- m) Rawatan kecemasan pergigian pesakit luar akibat kemalangan
- n) Yuran Ambulans
- o) Rawatan Kanser pesakit luar
- p) Rawatan Dialisis Buah Pinggang pesakit luar
- q) Rawatan fisio pesakit luar
- r) Jagaan dirumah
- s) Yuran Penjagaan harian
- t) Caj yang dikenakan untuk pemindahan organ
- u) Elaun Harian dihospital Kerajaan
- v) Yuran Laporan Perubatan
- w) Cukai Barang dan perkhidmatan

#### NOTA

Senarai ini tidak lengkap . Sila rujuk kepada faedah dalam kontrak polisi .

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu dibayar berubah mengikut pelan yang dipilih, jumlah pekerja, umur, keadaan kesihatan pekerja anda dan keperluan pengunderaitan.

### 4. Berapa yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Di samping premium , anda perlu membayar	Jumlah
a) Cukai barang dan perkhidmatan	6% daripada premium (jika ada)
b) Duti setem	RM 10.00

Premium yang anda bayar termasuk komisen yang akan dibayar kepada orang perantara, jika ada, berjumlah sehingga 10% daripada jumlah premium tersebut.

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Product ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Perubatan Berkelompok. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk memberi manfaat insurans perubatan kepada pekerja dan tanggungan mereka, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

- Tempoh bertenang : Anda boleh membatalkan polisi dengan mengembalikan polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penyerahan Polisi. Anda layak menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh syarikat untuk mengeluarkan Polisi tersebut.
- Tempoh Tangguh – Kelayakan manfaat dalam polisi akan bermula 30 hari selepas bermulanya tarikh Polisi kecuali kemalangan kecederaan.
- **PENYAKIT SEDIA ADA** hendaklah bermaksud hilang upaya yang diketahui sewajarnya oleh Orang yang Diinsuranskan, Orang yang Diinsuranskan dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:-
  - (a) Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
  - (b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan perubatan telah disyorkan;
  - (c) Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
  - (d) Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu
- **PENYAKIT TERTENTU** hendaklah bermaksud hilang upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh 120 hari pertama insurans bagi Orang yang Diinsuranskan:-
  - (a) Hipertensi, diabetes mellitus dan penyakit kardiavaskular;
  - (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam system kencing dan system bilian;
  - (c) Semua penyakit telinga., hidung (termasuk sinus) dan tekak;
  - (d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
  - (e) Endometriosis termasuk penyakit system pembiakan;
  - (f) Gangguan spina vertebra (termasuk diska) dan penyakit lutut.
- **Kelayakan Perlindungan**
  - (a) Pekerja sepenuh masa yang berumur dibawah 65 tahun
  - (b) Pasangan yang sah dari segi undang-undang dibawah 65 tahun
  - (c) Anak yang masih belum berkhawin berumur 30 hari atau lebih dan dibawah umur 19 tahun atau 23 tahun jika masih belajar dipusat pengajian tinggi yang diiktiraf dan masih belum bekerja.

### 6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi melainkan ianya dibatalkan:

- Penyakit sedia ada
- Penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama perlindungan
- Tempoh Tangguh – Kelayakan manfaat dalam polisi akan bermula 30 hari selepas bermulanya tarikh Polisi kecuali kemalangan kecederaan.
- Penyakit congenital, gigi dan bersalin, AIDS/HIV atau penyakit yang berkaitan
- Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri, berkhatan oleh apa-apa sebab, Gangguan jiwa, mental atau saraf
- Pembedahan kosmetik atau plastik
- Peperangan, mogok, rusuhan dan kekecohan awam
- pemeriksaan perubatan atau fizikal, prosedur penyiasatan

NOTA: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat dibawah polisi ini.

**LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK**

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Product ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Perubatan Berkelompok. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?**

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada syarikat insurans. Setelah pembatalan, anda layak menerima bayaran balik premium seperti jadual di bawah dengan syarat anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan dibawah polisi ini.

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%

Tempoh tidak melebihi 11 bulan

Tiada bayaran balik

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat hubungan bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai tepat pada waktunya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans perubatan dan kesihatan ini atau mana-mana produk insurans, anda boleh menghubungi orang perantara atau melayari laman sesawang [www.mpib.com.my](http://www.mpib.com.my)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**MPI Generali Insurans Bhd**

(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

**8th Floor, Menara Multi-Purpose**

**Capital Square**

**8, Jalan Munshi Abdullah**

**50100 Kuala Lumpur**

**Tel: +603 2034 9888**

**Fax: +603 2694 5758**

**Email: [generalenquiries@mpigenerali.com](mailto:generalenquiries@mpigenerali.com)**



**MPI Generali Insurans Berhad** (14730-X)  
(Formerly known as Multi-Purpose Insurans Bhd)

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Product ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Perubatan Berkelompok. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

Lain-lain perlindungan sejenis yang ada
<ul style="list-style-type: none"><li>• Multi Medi-Plus</li><li>• Multi Medical Protector</li><li>• Medic 101</li><li>• Medic SME</li></ul>



**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 18/10/2016.